

**KEFAHAMAN DAN AMALAN DALAM BERAGAMA: KAJIAN TERHADAP
PELAJAR BARU UiTM PAHANG DAN PELAJAR BARU
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

DISEDIAKAN OLEH :

**ASJAD BIN MOHAMED
MUHAMMAD MUZAKKIR BIN OTHMAN @ SEMAN
MOHD HAFIZ BIN ABDUL WAHAB**

DISEMBER 2010

Tarikh : 23 DISEMBER 2010
No. Fail Projek : 021000090003

Prof. Dr. Abu Bakar Abdul Majeed
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
UiTM, Shah Alam

Yang Berbahagia Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ‘KEFAHAMAN DAN AMALAN DALAM BERAGAMA:
KAJIAN TERHADAP PELAJAR BARU UiTM PAHANG DAN PELAJAR BARU UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk 'Kefahaman Dan Amalan Dalam Beragama: Kajian Terhadap Pelajar Baru UiTM Pahang Dan Pelajar Baru Universiti Malaysia Pahang' oleh kumpulan Penyelidik dari Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM Pahang untuk makluman pihak Yang Berbahagia Prof.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


ASJAD BIN MOHAMED
Ketua
Projek Penyelidikan

KUMPULAN PENYELIDIK

ASJAD BIN MOHAMED
KETUA PROJEK



.....
Tandatangan


MUHAMMAD MUZAKKIR BIN OTHMAN @ SEMAN
Ahli



.....
Tandatangan

MOHD HAFIZ BIN ABDUL WAHAB

Ahli



.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof. Madya Dato' Dr. Hj Hilmi B Ab. Rahman
(Pengarah Kampus UiTM Pahang)

Dr. Azhan Bin Hashim
(Timbalan Pengarah Penyelidikan & Jaringan Industri, UiTM Pahang)

Aiza Bin Budin
(Ketua CITU, UiTM Pahang)

dan

Semua individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang kefahaman dan amalan beragama di kalangan pelajar baru Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Ia merangkumi persoalan berkaitan komponen utama dalam syariat seperti akidah, ibadah dan akhlak. Di awal kajian, huraihan secara teori dikemukakan mengenai ketiga-tiga komponen tersebut. Kajian disusuli dengan soal selidik mengenai beberapa aspek utama bagi komponen akidah seperti pengertian akidah, kepentingannya, rukun-rukun iman, perkara-perkara yang merosakkan akidah dan kaedah pengukuhanya. Manakala bagi komponen ibadah ialah pengertian ibadah, pembahagiannya, skop, matlamat dan prinsip ibadah. Bagi komponen akhlak pula, soal selidik memfokuskan tentang pengertian akhlak, kepentingan dan pembahagiannya. Justeru, secara amnya metodologi kajian ini lebih menjurus kepada dua bentuk kajian iaitu kajian kepustakaan dan lapangan. Ia dijalankan melalui kaedah pengumpulan data dan maklumat dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 300 orang responden dari kalangan pelajar baru di kedua-dua buah universiti. Kajian ini secara keseluruhannya menjelaskan bahawa kefahaman dan amalan beragama di kalangan pelajar baru UiTM Pahang dan UMP yang sekaligus mewakili golongan remaja tidaklah terlalu bermasalah. Masih ramai di kalangan mereka yang mempunyai kefahaman dan amalan ilmu asas agama yang mantap. Namun, masih terdapat segelintir pelajar yang lemah dari sudut pengetahuan dan amalan agamanya. Fenomena ini dianggap membimbangkan kerana beberapa faktor antaranya ialah kerana melibatkan persoalan dasar dalam agama seperti masalah akidah yang tidak sepatutnya berlaku dalam diri seorang muslim. Selain itu, perkara negatif yang bercanggah dengan atas ajaran syariat telah menjadi kebiasaan dalam hidup mereka. Sikap sukar menerima tunjuk ajar dan kurang berminat dengan budaya ilmu pengetahuan semakin menular. Ruang kepada gejala penyakit sosial yang semakin terbuka luas turut merunsingkan kita. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui tahap kefahaman dan amalan beragama di kalangan pelajar baru UiTM Pahang dan UMP. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan berbentuk cadangan dan idea kepada pihak berkenaan agar dapat melakukan suatu tindakan yang agresif dan efektif bagi meningkatkan tahap kefahaman dan amalan beragama di kalangan generasi muda serta menyelesaikan masalah berkaitan dengan metode yang berhikmah dan bersesuaian.